



Koperasi Tunas Muda
Sungai Ara Berhad

KELUARAN Oktober 2006
Bil. 6

UNTUK ANGGOTA SAHAJA

www.tunasmuda.com.my

Buletin Tunas Muda

KTMSAB Kini Lebih Matang

>> oleh: Suhaidi Abdullah

Tahun 2006 genap 40 tahun kelahiran Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad (KTMSAB), satu usia yang amat matang, apatah lagi jika dilihat dari sudut sebuah perjuangan. Lebih manis ia telah dianugerahkan Piala Ketua Menteri 2006 sempena Hari Koperasi Negara Peringkat Negeri Pulau Pinang. Ia merupakan satu pengiktirafan paling tinggi di peringkat Negeri Pulau Pinang. Namun dalam pada itu, jasa dan pengorbanan mereka sebagai pengasas dan pejuang penubuhan KTMSAB tidak harus dilupakan, kerana perjuangan merekalah KTMSAB berada di tempat yang terbaik dan menjadi contoh kepada mereka yang lain.

Kematangan usia KTMSAB harus seiring kematangan anggota dalam semua aspek. Dalam usia itu juga KTMSAB perlu fokus kepada usaha untuk memperbaiki kelemahan lalu dan merancang untuk membangunkannya mengikut acuan perjuangan terdahulu yang bermatlamat mempertahankan tempat tinggal penduduk tempatan dan geo – politik sosio – ekonomi serta membela nasib bangsa Melayu dari terpinggir. Kata orang ada 'padi kerja jadi', ada beras kerja deras, jangan sebab motif padi dan beras baru berlakunya sebarang pekerjaan tetapi berjuanglah demi mencapai sebuah harapan untuk masa depan KTMSAB yang lebih gemilang.

PENGIKTIRAFAN... Timbalan Ketua Menteri YB Dato Abdul Rashid Abdullah (dua dari kiri) menyampaikan Anugerah Ketua Menteri kepada Pengerusi KTMSAB, Rabim Osman (dua dari kanan) Sempena Hari Koperasi Negara 2006 Peringkat Negeri Pulau Pinang. ▼



Pendidikan berterusan dan penerangan berkala kepada anggota dapat membangkitkan semula semangat perjuangan menjadi betapa pentingnya mereka sedar bahawa semuanya tidak datang bergolek atau melayang tetapi perlu diusahakan.

Semoga apa yang dihasrat KTMSAB akan mampu menggerakkan kemajuan dan kejayaan yang diinginkan. Perjalanannya sudah pasti jauh, tetapi semuanya mesti bermula dengan satu permulaan langkah yang baik. Tempoh perancangan Perancangan Lima (5) Tahun KTMSAB mungkin masa terbaik dalam menentukan kemampuan kita mencapai hasrat ini. Lembaga, anggota dan pengurusan perlu mempunyai jiwa "bagai aur dengan tebing", supaya kita bersama merintah dalam cubaan menduga arus yang sangat mencabar.

Lembaga dan Pengurusan KTMSAB mengucapkan Selamat Berpuasa Di Bulan Ramadhan Al-Mubarak, Selamat Hari Deepavali, Selamat Hari Raya Aidil Firti, Maaf Zahir Dan Batin kepada semua anggota Koperasi.



Terkini

>> oleh: Saidin Hamid

Untuk makluman Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad (KTMSAB) mensasarkan untuk memberi peruntukan kepada 199 orang anggota bagi tahun 2006 (bagi anggota yang belum menerima peruntukan). Jenis-jenis peruntukan yang akan ditawarkan adalah seperti Rumah Teres 2 Tingkat, Rumah Pangsa Kos Sederhana di kawasan Sungai Tiram dan Relau / Pagar Buloh.

Rumah Berkembar 2 Tingkat dan Rumah Sesebuah 2 Tingkat di kawasan Jalan Tengah Fasa 7, Pelarasan Luar Pulau Pinang dan akhir sekali pilihan kedua (Bina Sendiri) di kawasan Kampung Perlis.

Sekiranya Tuan/Puan berminat untuk mendapat peruntukan tersebut, sila kemukakan permohonan. Kelulusan untuk mendapatkan peruntukan adalah tertakluk kepada keutamaan atau syarat yang ditetapkan oleh Lembaga dari masa ke semasa.

Sila hubungi bahagian perumahan anggota (Encik Saidin) untuk keterangan lanjut.



Anggota Lembaga Pengarah

>> oleh: Hamidah Ali

Mesyuarat Agung Tahunan ke 34 Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad telah diadakan pada hari Ahad 18 Jun 2006 bertempat di Dewan Kompleks Tabung Haji Bayan Lepas, Pulau Pinang.

Anggota Lembaga Koperasi

Tuan Haji Rahim Bin Osman DJN, PJK	Pengerusi
Tuan Haji Zainol Abidin Bin Ahmad	Setiausaha
Encik Mohd Nagib Bin Ahmad	Bendahari
Tuan Haji Abu Bakar Bin Mohamad	Lembaga
Tuan Haji Abd.Majid Bin Makam PJM	Lembaga
Encik Hidzir Bin Sulong	Lembaga
Encik Mohd Razid Bin Arshad	Lembaga
Encik Ami Omar Bin Mohamed	Lembaga
Encik Shafihi Bin Mat PJM	Lembaga
Puan Hayati Binti Dato' Ismail	Lembaga
Encik Rahmad Bin Zakaria	Lembaga
Y.B.Ir Mansor Bin Musa, PKT, PJK	Lembaga

Jawatankuasa Audit Dalaman

Tuan Haji Ahmad Bin Razak	Pengerusi
Encik Razak Bin Maidin	Setiausaha
Encik Abdul Rahim B.Abdul Razak	Anggota
Pn Hajjah Sharifah Chik Bt Syed Abdullah	Anggota
Tuan Haji Wahab Bin Nor	Anggota
Encik Yahaya Bin Darus	Anggota

Senarai Jawatankuasa Bagi Tahun 2006 / 2007

Jawatankuasa Kerja (EXCO)

1. Tuan Haji Rahim bin Osman DJN, PJK (2336) - Pengerusi
2. Tuan Haji Zainol Abidin bin Ahmad (2204)
3. Encik Mohd. Nagib bin Ahmad (1990)
4. Tuan Haji Abu Bakar bin Mohamed (0946)
5. Encik Hidzir bin Sulong (2247)

Senarai Ahli Jawatankuasa Kecil Sebutharga Tahun 2006/2007

1. Tuan Haji Rahim bin Osman DJN, PJK (2336) - Pengerusi
2. Tuan Haji Zainol Abidin bin Ahmad (2204)
3. Encik Mohd. Nagib bin Ahmad (1990)

Senarai Ahli Jawatankuasa Kecil Tender Tahun 2006/2007

1. Tuan Haji Rahim bin Osman DJN, PJK (2336) - Pengerusi
2. Tuan Haji Zainol Abidin bin Ahmad (2204)
3. Encik Shafihi bin Mat PJM (1697)

Senarai Ahli Jawatankuasa Kecil Kawalan Bangunan Dan Pengusaha Di Atas Tanah KTMSAB Tahun 2006/2007

1. Encik Ami Omar bin Mohamed (2137) - Pengerusi
2. Encik Shafihi bin Mat PJM (1697)
3. Tuan Haji Aboo Bakar bin Mohamad Yusoff (0639)
4. Tuan Haji Arbayee bin Ibrahim (2233)
5. Encik Goh Chin Huat (1727)

Senarai Ahli Jawatankuasa Kecil Hutang Piutang Tahun 2006/2007

1. Encik Mohd. Najib bin Ahmad (1990) - Pengerusi
2. Encik Mohd. Razib bin Arshad (1839)
3. Encik Kamarudin bin Bidin (2526)
4. Tuan Haji Jamil bin Ishak (1803)
5. Puan Leong Hoe Lin (2231)

Rangkaian Perniagaan

oleh: JKK Pembangunan Wanita

Kain Langsir

Beli kain corak berbunga
Untuk dijahit langsir si dara manis
pelbagai corak pelbagai warna
Tempah segera takut habis

Anyam ketupat daun kelapa,
Untuk hidangan tetamu di pagi raya
Usah berlengah usah membuang masa,
Hubungi kami pada talian tertera

Puan Nor Safiza Mohd Azami
Tel: 643 8515 (waktu pejabat)

Ingin belajar menatarias wajah serta
pembentukan imej. Sila hubungi

Puan Arizan
Tel: 643 8515 (waktu pejabat)

Biskut Raya

Anyam ketupat daun kelapa,
Untuk hidangan tetamu di pagi raya,
Usah berlengah usah membuang masa,
Tempah kuih dengan kadar segera.

Jika berminat untuk membuat tempahan,
sila berkunjung ke pejabat Sri Tunas Edar
Sdn. Bhd. untuk melihat sampel.

Encik Suhaidi
Tel: 643 8515 (waktu pejabat)

Senarai Biskut / Kerepek Raya



Biskut Almond London



Biskut Jemari
RM13.50 / 50 biji



Biskut Potatos
RM14.50 / 50 biji



Biskut Sulasih
RM13.50 / 50 biji



Gondang Emas
RM26.00 / 500gm



Biskut Sembilu Kasih
RM14.50 / 50 biji



Biskut Senandung Coklat
RM13.50 / 60 biji



Biskut Bangkit Santan
RM14.50 / 50 biji



Putu Kacang
RM15.00 / 60 biji



Biskut Sampret
RM13.50 / 60 biji




Biskut Tat Gulong
RM20.00 / 50 biji




Biskut Kamelo
RM14.50 / 50 biji



Biskut Inano
RM14.50 / 50 biji



Kuih Makmur



Biskut Sari Badam
RM14.50 / 50 biji



Biskut Jalur Jem
RM13.50 / 50 biji



Biskut Mazola

Almond London RM18.00 / 50 Biji
Short Bread RM18.00 / 50 Biji
Dark Piping RM16.00 / 50 Biji
Strawberry Heart RM16.00 / 50 Biji
Peanut Brittle RM16.00 / 50 Biji
Sayang D'Amor RM16.00 / 50 Biji
Crystal Ball RM16.00 / 50 Biji
Fancy Ice Cream RM16.00 / 50 Biji
CT Love RM16.00 / 50 Biji
Almond Rocca RM16.00 / 50 Biji
Mushroom RM16.00 / 50 Biji
Mawi love RM16.00 / 50 Biji
Nastar RM16.00 / 50 Biji
Dahlia RM16.00 / 50 Biji

Croquant RM16.00 / 50 Biji
Manzola RM16.00 / 50 Biji
Makmur RM16.00 / 50 Biji
Blizzard Crispy RM16.00 / 50 Biji
Sweet Sour Tart RM16.00 / 50 Biji
Nona Manis RM16.00 / 50 Biji
Almond Choc. Chip RM16.00 / 50 Biji
Tim Tum Biskut RM16.00 / 50 Biji
Ubi Masin 6.50 / 1/2 Kg
Ubi Pedas Basah 7.00 / 1/2 Kg
Bawang Pedas 7.50 / 1/2 Kg
Mini Rempayek 9.00 / 1/2 Kg
Bahulu 15.00 / 100 Biji



2Len

Minuman Berperisa Karbonat
Dengan Kandungan Gas
Sederhana Buatan Usahawan
Bumiputera Dengan Harga
RM20.00 / Dozen.

Jualan Sempena Hari Raya akan diadakan diperkarangan pejabat
Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad pada 10-20 Oktober 2006
bermula jam 10.00 am - 4pm.

Ketua Pengarang Encik Mazalan Bin Nan
Pengarang Encik Mohd Hilmi B. Rashid
Grafik Puan Siti Roziah Binti Mohd Burhanudin
Pemberita Encik Zahid Bin Zahari
Encik Suhaidi Bin Abdullah
Cik Mazita Binti Abu Bakar
Cik Hamidah Binti Ali
Jurugambar Encik Azmi Bin Ahmad
Percetakan / Pengedaran Puan Hajjah Che Maimunah Bt Kassim

Sidang Pengarang



>> Azmi Ahmad

Komponen Pembangunan:-

BIL	JENIS	UNIT
1.	2 Blok Pangsapuri Kos Sederhana 750 k.p.	352
2.	Surau	1
3.	Tapak lain-lain agama	1
4.	Dewan Kemudahan Masyarakat	1
5.	Nursery	1
8.	Bilik serbaguna / kedai	2
9.	Pejabat Pengurusan	1
10.	Tempat Letak Kereta/Motosikal	400/390
11.	Lif	4
12.	Depo Sampah	1

Projek Taman Tunas Muda Fasa 7 – Cadangan Membina 1 Blok 14, 16 & 19 Tingkat Pangsapuri Kos Sederhana 800 k.p. (80 unit) & 1,100 k.p. (20 unit), di Atas Lot P.T. 3563, D.B.D., Jalan Dato' Ismail Hashim, Relau. (Pangsapuri Seri Baiduri).

Cadangan pembangunan ini adalah merupakan pembinaan sebuah blok pangsapuri kos sederhana yang mengandungi 20 unit berkeluasan 1,100 k.p. dan 80 unit berkeluasan 800 k.p. Tapak projek ini terletak di lokasi yang strategik, iaitu bertentangan dengan stadium tertutup PISA dan diapit oleh dua jalan utama iaitu Jalan Tun Dr. Awang dan Jalan Dato' Ismail Hashim. Tapak ini dahulunya merupakan tapak pajakan cadangan stesen minyak Shell yang telah dibatalkan perjanjian pajaknya.

Pembangunan projek ini adalah melibatkan tanah seluas 1.07 ekar Permohonan Merancang pindaan keempat JPB/PM/592(LB) PT.4 telah dikemukakan kepada MPPP pada 3 Januari, 2006 dan dijangka lulus pada Julai, 2006.



>> Azmi Ahmad

Projek Perumahan Relau-Pagar Buloh Fasa 1B – Cadangan Pembinaan 2 Blok 13 Tingkat, Pangsapuri Kos Sederhana 750 k.p. (352 unit) di Atas Sebahagian Lot P.T. 2568, Mukim 10, D.B.D., Pulau Pinang.

Pembangunan projek ini adalah melibatkan tanah seluas lebih kurang 3.5 ekar. Permohonan Merancang rujukan No. JPB/PM/2907 (LB) yang dikemukakan kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang pada 10 Januari 1998 telah diluluskan pada 21 Oktober 2003 dan Pelan Bangunan No. 42911(LB) juga telah diluluskan pada 15 Disember, 2005.

Skim ini merupakan skim perumahan yang pertama di majukan di dalam Pelan Induk Relau-Pagar Buloh. Oleh sebab itu, Koperasi dikehendaki menjelaskan bayaran caj pembangunan (development charges) sejumlah RM1,346,400.00 kepada Majlis sebelum dibenar memulakan pembinaan projek bagi skim berkenaan.

Skim perumahan ini dirancang sedemikian rupa untuk dua tujuan, iaitu satu blok mengandungi 176 unit akan diperuntukkan kepada anggota dan satu blok (176 unit) lagi adalah untuk jualan.



>> Azmi Ahmad

Anggaran kos pembinaan adalah RM12 juta.

Komponen pembangunan:

BIL	JENIS	UNIT
1.	Pangsapuri Kos Sederhana (800 k.p.)	80
2.	Pangsapuri Kos Tinggi (1,100 k.p.)	20
3.	Kedai	1
4.	Bilik serbaguna	1
5.	Nursery	1
6.	Surau	1
7.	Tapak lain-lain agama	1
8.	Dewan Kemudahan Masyarakat	1
9.	Pejabat Pengurusan	1
10.	Tempat Letak Kereta/Motosikal	110/120
11.	Lif	2
12.	Depo Sampah	1

Projek Pembangunan Sungai Tiram Fasa 1 – Cadangan Pembinaan 16 Unit Kedai Pejabat 2 Tingkat dan 14 Unit Rumah Kedai 2 Tingkat, di Atas Sebahagian Lot 8012, Mukim 12, D.B.D., Pulau Pinang.

Cadangan pembangunan ini adalah merupakan pembinaan 2 blok kedai pejabat 2 tingkat yang mengandungi 16 unit berkeluasan 2,444 k.p. (unit tipikal) dan 1 blok rumah kedai 2 tingkat yang mengandungi 14 unit berkeluasan 2,396 k.p. (unit tipikal) Tapak projek ini terletak di lokasi yang strategik, iaitu di tengah-tengah pembangunan kediaman yang akan dapat menarik penduduk sekitar. Pembangunan projek ini adalah melibatkan tanah seluas lebih kurang 1 ekar. Permohonan Merancang JPB/PM/3496(LB) telah diluluskan pada 18 Disember, 2002 dan Pelan Bangunan No. 41562(LB) juga telah diluluskan pada 29 April, 2004.

Anggaran kos pembinaan adalah RM4.5 juta.

Promosi Ramadhan & Aidil Fitri!!


Anggota yang berminat sila hubungi Encik Suhaidi, Sri Tunas Edar Sdn Bhd.

Penjualan Kelengkapan Perabot Rumah Kayu Jati, Hiasan Dalaman & Kabinet Dapur.

Hubungi: 04-6438515

Showroom:

Sri Tunas Edar Sdn Bhd
122A Jalan Dato' Ismail Hashim
Taman Tunas Muda, Sungai Ara
11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.



**Diskaun
10% &
Ansuran
Bulanan
Disediakan**



Dewaland Projati



Senarai Jawatankuasa Bagi Tahun 2006 / 2007

Senarai Ahli Jawatankuasa Kecil Peningkatan Perkhidmatan Kepada Anggota Tahun 2006/2007

1. Tuan Haji Abd. Majid bin Makam PJM (0014) - Pengerusi
2. Encik Ami Omar bin Mohamed (2137)
3. Tuan Haji Masri Yusoff (0512)
4. Encik Choo Choon Huah (1651)
5. Encik Nadarajan a/l Muniandy (0807)

Senarai Ahli Jawatankuasa Kecil Pembangunan Wanita Tahun 2006/2007

1. Puan Hayati Binti Dato' Ismail (2539) - Pengerusi
2. Puan Pauziah binti Ismail (2365)
3. Puan Tong Ah Noy @ Tong Guat Kooi (1674)
4. Puan Che Sam binti Saiboo (2076)
5. Puan Che Sayang binti Mustakim (2534)
6. Puan Norsiah @ Noorah binti Bakar (1335)
7. Puan Siti Fatimah binti Mat (1942)

Senarai Ahli Jawatankuasa Kecil Perumahan Anggota Tahun 2006/2007

1. Tuan Haji Rahim bin Osman DJN, PJK (2336) - Pengerusi
2. Encik Hidzir bin Sulong (2247)
3. Encik Yong Chin Foo (1716)
4. Encik Sivananthan Pillay a/l Palani (2078)
5. Tuan Haji Jamil bin Mohamed @ Ahmad (1560)

Senarai Ahli Jawatankuasa Kecil Pendidikan Dan Latihan Tahun 2006/2007

1. Encik Mohd. Razib bin Arshad (1839) - Pengerusi
2. Encik Rahmad bin Zakaria (2379)
3. Encik Ibrahim bin Mat Diah (1787)
4. Puan Hajjah Hasnah binti Mohamed (1634)
5. Puan Mendarbi binti Mydeen Meerana (1328)

Sana – Sini

>> oleh: Siti Rodziah Mohd Burhanudin



Pengerusi KTMSAB, Rahim Osman dijemput sebagai penceramah bagi membentangkan kertas kerja mengenai pengalaman KTMSAB menjalankan pembangunan hartanah dan peluang perniagaan yang boleh diwujudkan dengan KTMSAB sempena Majlis Pelancaran Gerak Usahawan Koperasi Negeri Pulau Pinang (4 April 2006) di Tabung Haji Bayan Lepas.

Pelawat...KTMSAB menerima pelawat yang terdiri daripada Lembaga Pengarah Koperasi Bukit Semanggol (24 April 2006).



Tekun...Lawatan sambil belajar dari Koperasi-koperasi dan pegawai JPK negeri Johor ke KTMSAB (20 Mei 2006).



Hari Anggota...Mesyuarat Agung Ke-34 KTMSAB diadakan di Dewan Kompleks Tabung Haji Raya Lepas (18 Jun 2006).



Alhamdulillah...Anggota sedang menunggu giliran untuk menerima dividen bagi tahun 2005 yang telah dibayar pada 17 Julai sehingga 21 Julai 2006.



Mari-mari...Expo Hari Koperasi Negeri 2006 yang berlangsung di Malaysia International Exhibition And Communication Center (MIECC), MINES Resort City, Seri Kembangan Selangor. (21-26 Julai 2006).

Khusyuk...Para peserta mengikuti bengkel jahitan langsir pada setiap Sabtu (3-5pm) di Dewan Seri Delima anjuran bersama JKK Pembangunan Wanita dan Kolej Komuniti Bayan Baru.



Khidmat Anggota

>> oleh: Mohd Hilmi Rashid

KTMSAB sedang mengemaskini maklumat anggota di dalam Sistem Anggota.

Anggota-anggota yang tidak hadir semasa pembayaran dividen pada 17-21 Julai 2006 dan belum memberikan gambar diri berwarna berukuran paspot dikehendaki menyerahkan gambar tersebut sebelum 30 November 2006 kepada Bahagian Keanggotaan (Puan Norsidah)

Terima Kasih atas Kerjasama Tuan / Puan.

Takziah

>> oleh: Hamidah Ali

Bil	Nama	No. Anggota	Umur	Tarikh Meninggal
1.	Samsudin bin Saari	0448	70	30.3.2006
2.	Lechimy a/p Narayanan	2195	102	3.4.2006
3.	Dali bin Abdullah	0105	82	10.4.2006
4.	Ilias bin Ahmad	1606	56	10.4.2006
5.	Ismail bin Ibrahim	1371	71	18.4.2006
6.	Mohamed Yusop bin Hashim	0941	82	29.4.2006
7.	Salleh bin Taib	0152	80	10.5.2006
8.	Puteh bt. Omar	2267	67	6.7.2006

Sila kemaskini alamat surat menyurat tuan/puan sekiranya ada perubahan dan hantarkan kepada Koperasi.

POTONG DAN KEMUKAKAN KEPADA:-



Setiausaha,
Koperasi Tunas Muda Sg. Ara Berhad
No. 126, Jalan Dato' Ismail Hashim,
Taman Tunas Muda, Sungai Ara,
11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.

MAKLUMAT PERTUKARAN ALAMAT

Pertukaran alamat surat menyurat saya adalah seperti berikut:-

Nama No. Anggota

No. Kad Pengenalan No. Telefon

Alamat Baru

Tandatangan Tarikh